

Semua penyerahan bubur lambuk di sempadan Bukit Kayu Hitam...

UUM ONLINE: Pusat Islam Universiti Utara Malaysia (UUM) mengedarkan lebih 100 bungkusan bubur lambuk Seri Sintok kepada petugas di sempadan Bukit kayu Hitam-Thailand, di sini, petang kelmarin.

Pengagihan itu dilakukan oleh pegawai dari Pusat Islam UUM, Ustaz Ahmad Zabadi Mokhtar dan Mohd Yusnaidi Md. Sabri kepada pasukan tentera, Unit Pencegah Penyeludupan, Imigresen, Polis Diraja Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan, Kastam dan petugas tol Lebuhraya Utara Selatan.

Pengarah Pusat Islam, Dr. Wan Ab Rahman Khudzri Wan Abdullah berkata, pengagihan kepada kakitangan yang bertugas itu menunjukkan keprihatinan dan penghargaan kepada mereka yang sedang bertugas menjaga sempadan negara terutama di bulan puasa ini.

"Walaupun sedikit pemberian kita ini, namun sudah cukup untuk menunjukkan penghargaan kepada petugas di Bukit Kayu Hitam ini,"katanya.

Menurut beliau, setiap hari pihaknya menyediakan sebelas buah periuk bubur lambuk bernilai RM2,200 setiap hari untuk diagihkan kepada kakitangan, pelajar dan masyarakat setempat.

"Proses menyediakan bubur lambuk ini juga mendapat kerjasama dari persatuan kakitangan sokongan, akademik, dan pusat tanggungjawab selain daripada petugas Pusat Islam,"ujarnya lagi.

Dr Wan Ab Rahman menambah selain daripada itu, pihaknya juga menyediakan jamuan berbuka puasa setiap hari untuk 400 orang dan penyediaan gerai jualan makanan di hadapan masjid.

Habis.